



**KPWKM  
TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**

**MALAYSIA PRIHATIN : PELANCARAN SMART CLASSROOM  
SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH PARLIMEN TITIWANGSA**

**LOKASI / TARikh / MASA**  
**PREMIERA HOTEL KUALA LUMPUR / 23 MAC 2021 / 12:00 PM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Prihatin

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **PENDAHULUAN**

1. Setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-NYA jua, **program sulung MALAYSIA PRIHATIN** saya membuka tirainya pada pagi yang mulia ini. Saya rasa bersyukur dalam Program ini, hasrat saya untuk berjumpa dengan Para Guru Besar, Guru-Guru dan Wakil PIBG Sekolah-sekolah Rendah Parlimen Titiwangsa menjadi satu kenyataan. **Pertemuan pagi ini akan menyaksikan Pelancaran Smart Classroom yang telah kita usahakan buat Sekolah-sekolah Rendah Parlimen Titiwangsa.**

## **LATAR BELAKANG PROGRAM “MALAYSIA PRIHATIN”**

2. Program MALAYSIA PRIHATIN adalah satu wadah Kerajaan bagi menerangkan inisiatif dan langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memelihara nyawa dan kehidupan rakyat melalui pelbagai inisiatif, contohnya Perintah Kawalan Pergerakan, Paket-paket Ransangan Ekonomi dan sebagainya.
  
3. Bagi menjelaskan perkara ini dengan lebih terperinci, saya akan membawa anda semua untuk menonton VIDEO KHAS untuk tontonan dan penghayatan kita bersama.

## **PANDEMIK COVID-19 DAN PELAKSANAAN PKP**

4. **Pandemik COVID-19 merupakan isu sejagat**, yang perlu dihadapi oleh semua pihak dan merupakan satu cabaran baharu kepada Kerajaan-Kerajaan di dunia untuk menangani krisis ini dengan bijak. **Kerajaan Malaysia tidak terkecuali dalam mendepani cabaran ini.**
  
5. Bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 yang mula **memasuki negara kita Malaysia pada Disember 2020**, Kerajaan Perikatan nasional telah mengambil pelbagai langkah proaktif **bagi mengimbangi keperluan pertumbuhan ekonomi dan kesihatan awam.**

6. Kerajaan Perikatan Nasional telah menyusun strategi pengurusan pandemik COVID-19 dengan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yakni PKP bermula 18 MAC 2020, melalui kawalan sempadan, sanitasi awam, sekatan jalan raya serta kuarantin wajib dan saringan bersasar melalui beberapa fasa PKP, PKPB, dan PKPP.
  
7. Semua ini dilakukan bukan untuk menyusahkan rakyat dan menghalang pergerakan rakyat ke sana dan ke sini, TETAPI adalah satu usaha Kerajaan yang Prihatin dan sayangkan rakyatnya, serta komited dalam usaha memutuskan rantai pandemik COVID-19 dalam komuniti kita.

## **PROKLAMASI DARURAT**

8. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengisyiharkan **Proklamasi Darurat diwartakan 14 JANUARI 2021 SEHINGGA 1 OGOS 2021** di seluruh negara.
  
9. Pelaksanaan darurat ini membolehkan **kerajaan fokus dalam menggembeleng segala sumber yang ada dalam usaha melandaikan lengkuk graf jumlah kes baharu positif COVID-19 harian yang mencecah empat angka secara berterusan sejak bulan Disember 2020.**

10. Walau bagaimanapun, dalam **tempoh darurat tidak menghalang aktiviti pertumbuhan ekonomi di negara kita**, malah pengurusan pandemik menjadi lebih teratur dan tersusun bagi memutuskan rantaian COVID-19.

## **PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN**

11. Komitmen Kerajaan Perikatan Nasional dalam menangani pandemik COVID-19 diteruskan dengan pelaksanaan **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bermula pada 24 FEBRUARI 2021** dengan memperkenalkan slogan “**Lindung Diri, Lindung Semua**”.
  
12. Dalam hubungan ini, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan untuk **mendaftarkan diri** dalam program vaksinasi kebangsaan **melalui aplikasi MySejahtera dan Kaedah Pendaftaran lain yang telah disediakan seperti melalui Laman Web Khusus Vaksin COVID-19 atau hadir ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan**.

13. Ketahuilah, bahawa sokongan kita kepada kelancaran Program Imunisasi ini amatlah penting, kerana dengan **pengambilan Vaksin kita semua dapat mewujudkan “Imunisasi Komuniti”**, seterusnya dapat memutuskan rantaian COVID-19 dengan segera.

### **INISIATIF KERAJAAN PERIKATAN NASIONAL**

14. Kerajaan Malaysia adalah Kerajaan yang PRIHATIN. Atas keprihatinan ini, Kerajaan sentiasa mendengar **denyutan nadi rakyat** yang berhadapan dengan kesusahan dalam mengharungi pandemik COVID-19.

15. Ada rakyat yang kehilangan pekerjaan, ada yang terjejas sumber pendapatan, tidak kurang juga ada yang berdepan krisis keluarga dek tekanan hidup semasa pandemik. Kerajaan Malaysia tidak sesekali membiarkan senario ini berterusan.
16. Menyedari hakikat ini, inisiatif seperti PRIHATIN, PENJANA, PERMAI dan yang terbaharu PEMERKASA telah dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah kepimpinan **YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Abah yang kita sayangi untuk terus menyantuni dan membantu rakyat yang memerlukan.**

17. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyambut baik inisiatif-inisiatif yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam memastikan kesejahteraan rakyat yang dikasihi. Inisiatif-inisiatif yang dapat saya kongsikan termasuklah:

**(A) PENGAGIHAN BAKUL MAKANAN**

- (i) Melalui program Kembara Prihatin Negara yang telah mula dilaksanakan pada 1 November 2020, yang mengangkat nilai “Corporate Shared Value”, KPWKM telah menjalankan kolaborasi strategik dengan pelbagai pihak syarikat korporat, dan telah berjaya mendapatkan sumbangaan korporat terkumpul sebanyak 2.3 JUTA RINGGIT sehingga Februari 2021.

- (ii) Di bawah inisiatif PERMAI, sebanyak 50 JUTA RINGGIT telah diperuntukkan untuk penyediaan bakul makanan bernilai 100 RINGGIT kepada 500 RIBU KELUARGA yang terjejas semasa pandemik COVID-19.
- (iii) Secara keseluruhannya, sehingga bulan Februari 2021, menerusi inisiatif Kembara Prihatin Negara, inisiatif PERMAI, peruntukan khas Kementerian Kewangan dan peruntukan di bawah Tabung COVID NADMA, Kerajaan TELAH BERJAYA mengagihkan sebanyak SATU JUTA BAKUL MAKANAN yang telah dimanfaatkan kepada EMPAT JUTA ORANG.

## **(B) PROGRAM ZIARAH PRIHATIN**

(i) Menyedari hakikat pandemik COVID-19 telah menjasakan “kefungsian sosial” ramai masyarakat di negara ini, maka KPWKM menerusi Yayasan Kebajikan Negara telah melaksanakan inisiatif baharu yang dipanggil “ZIARAH PRIHATIN”. Melalui inisiatif ini, sebanyak 2 JUTA RINGGIT telah diagihkan kepada 222 kawasan Parlimen di seluruh negara bermula pada bulan Ogos 2020.

(ii) Saya berharap program Ziarah Prihatin ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat di luar sana. Sesungguhnya Kerajaan sangat PRIHATIN dan sentiasa mendengar keluh kesah dan rintihan rakyat.

**(C) KENAIKAN BANTUAN DI BAWAH BELANJAWAN 2021**

(i) Istilah “MALAYSIA PRIHATIN” bukan sekadar pada nama, namun ia dizahirkan dengan peningkatan-peningkatan bantuan kepada kumpulan sasar Kementerian ini. Menerusi Belanjawan 2021, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan kebajikan bulanan seperti berikut:

(ii) **KENAIKAN BANTUAN OKU:**

**Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja** dinaikkan daripada **RM250 kepada RM300** dan memberi manfaat kepada 84,000 penerima;

**Kadar Elaun Pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450** dan memberi manfaat kepada 88,000 penerima; dan

**Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar** dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 yang memanfaatkan seramai 27,753 penerima.

- (iii) **KADAR BANTUAN ORANG TUA** turut dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan yang akan memanfaatkan seramai 136,240 penerima.
- (iv) **KADAR BANTUAN KANAK-KANAK** Keluarga Miskin daripada RM100 seorang anak dengan maksimum **RM450 sekeluarga**, dinaikkan kepada **RM150 bagi seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun** atau **RM200 bagi seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah** dengan maksimum RM1,000 sekeluarga yang akan memanfaatkan seramai **63,000 penerima.**

(v) **GERAN RM30 JUTA BAGI PENUBUHAN TASKA DI TEMPAT KERJA AWAM** bagi jagaan anak dan **menyokong wanita keluar bekerja.**

Dalam hubungan ini, saya mengalu-alukan Guru Besar yang memerlukan kemudahan TASKA bolehlah mengemukakan permohonan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat.

(vi) **PROGRAM MAMOGGRAM & HPV DNA oleh LPPKN** untuk 45,000 wanita yang layak dan memenuhi kriteria bagi mencegah kanser serviks dan payudara. **Saya menyeru kepada Guru-guru wanita untuk mengambil kesempatan ini untuk membuat pemeriksaan kesihatan.**

## **INISIATIF PEMERKASA**

18. Pada 17 Mac 2021, Kerajaan sekali lagi mengumumkan khabar gembira buat rakyat kesayangannya menerusi pengumuman berikut:

- (i) Peningkatan had kelayakan gaji maksimum bagi bantuan Elaun Pekerja OKU daripada RM1,200 kepada RM1,500 sebulan. Sebanyak RM26 juta diperuntukkan dan memberi manfaat kepada hampir 5,000 OKU;
  
- (ii) Peruntukan sebanyak RM20 juta bagi memperkuuhkan program keusahawanan termasuk memasarkan produk bakeri dan hasil tangan oleh OKU dan warga emas di

bawah institusi seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

- (iii) Golongan OKU berpeluang untuk mendaftar dan memperbaharui perniagaan mereka dengan SSM secara percuma sebagai galakan menceburi bidang perniagaan; dan
  
- (iv) RM25 juta diperuntukkan kepada BSN di bawah Skim Mikrokredit ISTIMEWA bagi golongan OKU menceburi bidang perniagaan dengan had pembiayaan sehingga 50 RIBU RINGGIT DAN KADAR FAEDAH SERENDAH 3 PERATUS.

19. Dalam urusan ini, saya memohon agar para guru-guru dan wakil ibu bapa hari ini, menjadi **“AGEN PENYAMPAI”** khabar baik ini kepada kumpulan sasar yang berkaitan agar mereka sama-sama mendapat manfaat daripada inisiatif Kerajaan ini bak kata orang **“TIADA YANG TERTINGGAL”**.

## **PROJEK SMART CLASSROOM PARLIMEN TITIWANGSA**

20. Dalam mendepani norma baharu, dunia digital menjadi tuntutan pelbagai aspek kehidupan termasuklah bidang pendidikan. Atas kesedaran ini, **sebagai Ahli Parlimen Titiwangsa, saya usahakan inisiatif “SMART CLASSROOM” seiring dengan arus teknologi dalam dunia pendidikan.**
  
21. Projek Smart Classroom ini menjadikan bilik darjah dilengkapi dengan peralatan elektronik merangkumi CPU, projektor dan interaktif whiteboard untuk pengukuhan dan pemantapan pembelajaran dan pengajaran.

22. Saya berharap inisiatif ini dapat menyuntik semangat kepada anak-anak di 19 buah sekolah rendah Parlimen Titiwangsa dan lebih menghayati proses pembelajaran di dalam kelas. Untuk makluman semua, projek Smart Classroom ini bernilai 2.85 JUTA.
23. Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada para Guru dan Wakil PIBG sekolah-sekolah Rendah di Parlimen Titiwangsa yang telah memberi kerjasama baik kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Ahli Parlimen Titiwangsa dalam merealisasikan pelaksanaan *Smart Classroom.*

24. Tidak dilupakan Tan Sri Lim Kim Yew, Chairman of Country Heights Group Bhd dan syarikat Ekovest Berhad yang sama - sama membantu menaja Projek Smart Classroom ini. Terima kasih diucapkan.
25. Saya juga berbesar hati untuk menyampaikan sumbangan wang tunai kepada semua PIBG sekolah rendah di Parlimen Titiwangsa bagi menggalakan pihak sekolah melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantapan pengajaran dan pembelajaran.

26. Saya zahirkan rasa penghargaan ini dengan pantun berikut:

Indah Nian Hutan Belantara

Udaranya segar terasa nyaman

Kerajaan Prihatin Malaysia Sejahtera

Rakyat Terbela Ekonominya Mampan

27. Akhir kata, dengan lafaz suci Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan penuh kesyukuran melancarkan Projek “SMART CLASSROOM” Sekolah-Sekolah Rendah Parlimen Titiwangsa.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**23 MAC 2021**